

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
PADA HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. SERI  
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
PADA 8 JUN, 1966.

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), S.P.M.T., D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, dengan amat kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,

Adalah patik, bagi pihak Y.T.M. Tunku Perdana Menteri<sup>1</sup> dan Jemaah Menteri serta patik sendiri dan bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, dengan khusyuk dan tawaduk dan dengan perasaan yang penuh taat setia dan kasih sayang, menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Ke Bawah Duli Tuanku dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agong pada hari yang berbahagia ini, iaitu Keputeraan Ke Bawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian berasa megah dan syukur ke hadrat Tuhan Rabbul Izzati kerana dapat menyambut hari Keputeraan Ke Bawah Duli Tuanku yang pertama kali semenjak Tuanku menaiki takhta Kerajaan Malaysia ini dalam keadaan yang sempurna dan dalam suasana yang sangat bahagia dan gilang gemilang bagi negara Malaysia ini. Dengan berkat daulat Ke Bawah Duli Tuanku, dalam minggu ini dua peristiwa yang sangat penting dan bersejarah telah berlaku. Peristiwa yang pertama ialah tercapainya persetujuan yang memuaskan hati dalam perundingan damai yang telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia, diketuai oleh patik sendiri, dengan Kerajaan Republik Indonesia yang diketuai oleh Menteri Luar Negara itu iaitu T.Y.T. Dr. Adam Malek, yang telah dilangsungkan di Bangkok baru-baru ini. Perundingan itu telah berjaya meng-

hasilkan titik-titik pertemuan antara kedua-dua belah pihak yang menjadi asas untuk memulihkan perhubungan baik dan persahabatan di antara Indonesia dengan Malaysia.

Persetujuan di Bangkok ini adalah bermakna iaitu konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia selama tiga tahun yang lalu akan ditamatkan, dan kedua-dua negara itu akan mengikatkan balik tali persahabatan dan memulihkan perhubungan dan kerjasama yang baik antara satu sama lain. Sebagaimana Ke Bawah Duli Tuanku telah maklum, persetujuan di Bangkok ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dari rakyat Ke Bawah Duli Tuanku di seluruh Malaysia yang sentiasa cintakan kepada keamanan. Oleh yang demikian, pada hari yang berbahagia ini patik-patik sekalian mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan Rabbul' alamin di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, dan patik yakin dan percaya dengan berkat daulat Ke Bawah Duli Tuanku, keamanan akan pulih semula di Tenggara Asia ini.

Ampun Tuanku,

Peristiwa yang kedua ialah pulihnya kembali perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Filipina yang telah berlangsung pada hari Jumaat, 3 Jun yang lepas ini. Pemulihan perhubungan antara kedua-dua negeri ini bermaknalah bahawa sudahlah terjalin semula ikatan persahabatan di antara dua buah negara sahabat yang berjiran dan ini adalah bererti yang Pertubuhan ASA akan dapat diterus dan dimajukan dengan lebih berkesan dan lebih sempurna lagi.

Ampun Tuanku,

Kedua-dua peristiwa ini adalah membukakan lipatan sejarah baru bagi Tenggara Asia ini iaitu lipatan sejarah persahabatan dan persaudaraan di antara negara-negara yang berjiran di sini. Patik-patik sekalian percaya bahawa dengan limpah rahmat dan pertolongan Allah s.w.t. dan dengan tuah daulat Ke Bawah Duli Tuanku, maka perhubungan baik dan tali persahabatan di antara negara-negara di Tenggara Asia ini akan dapat diperkuat dan dikekalkan untuk faedah bersama.

Ampun Tuanku,

Dalam suasana cerah dan gilang gemilang ini, patik-patik sekalian menaruh kepercayaan dan keyakinan yang penuh bahawa pemerintahan Ke Bawah Duli Tuanku selama 5 tahun yang akan datang ini akan dapat membawa negara Malaysia yang dikasihi ini kepada satu zaman yang cemerlang dan dapatlah rakyat Ke Bawah Duli Tuanku yang terdiri dari berbagai-bagai kaum itu mengecap nikmat-nikmat daripada kemakmuran, keamanan dan kemajuan negara ini dengan berlipat ganda lagi. Dengan tamatnya konfrontasi dapatlah Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku menumpukan sepenuh usaha dan tenaga dalam lapangan kemajuan dan lapangan iktisad.

Ampun Tuanku,

Bagi mengambil sempena hari yang berbahagia ini, patik memohon keizinan untuk melahirkan perasaan terhutang budi yang amat sangat Kerajaan dan rakyat Ke Bawah Duli Tuanku kepada Pasukan-pasukan Bersenjata Malaysia yang telah membuktikan keberanian dan gagah perkasa mereka itu bagi mempertahankan negara kita ini. Patik juga pohon mengambil peluang ini untuk mengenangkan mereka yang telah terkorban dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara kita yang dikasihi ini.

Ampun Tuanku,

Dalam masa darurat itu rakyat Ke Bawah Duli Tuanku daripada semua kaum telah melahirkan taat setia yang amat kuat dan tidak berbelah bagi kepada negeri ini dan telah berdiri dengan teguh di belakang Kerajaan Ke Bawah Duli Tuanku untuk menghadapi musuh dan mempertahankan tanah air mereka. Mereka telah ber-satu padu sebagai sebuah benteng yang teguh yang tidak dapat ditembusi oleh musuh yang hendak menceroboh dan mencemarkan kedaulatan negeri mereka.

Ampun Tuanku,

Akhirulkalam, patik-patik sekalian sekali lagi merafakkan sembah taat setia kepada Ke Bawah Duli Tuanku dan Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agong. Patik-patik sekalian sangat bertuah oleh sebab mendapat seorang Raja yang adil dan bijaksana dan sentiasa menaruh perasaan timbang rasa kepada rakyat jelata

sekalian. Begitu juga patik-patik sekalian berasa megah kerana mendapat seorang Raja Permaisuri yang terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, lemah lembut dan ramah mesra dengan semua golongan rakyat jelata. Patik-patik sekalian berdoa mudah^mudahan Allah s.w.t. lanjutkan usia Ke Bawah Duli Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, sentiasa di dalam keadaan sifat walafiat, aman sentosa dengan sepenuh-penuh kesejahteraan dan kemuliaan selama-lamanya, Amin ya Rabbul' alamin.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun.

---

<sup>1</sup> Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.